

Pekerja Teras Transformasi Negara

Kursus MTUC:

MTUC/ACILS - Asas Kepimpinan & Penubuhan Kesatuan Sekerja 25 Feb-1Mac, Subang

MTUC/ACILS - Hak Kepimpinan & Undang-undang 18-22 Mac, Subang

MTUC/ACILS - Perhubungan Perusahaan & Siasatan Dalaman 15-19 April, Subang

MTUC mengucapkan "Selamat Tahun Baru China"

GOVERNMENT URGED NOT TO BACK TRACK ON MINIMUM WAGE POLICY

MCA President Dr Chua Soi Lek's demand and ultimatum to the HR Minister Y.B. Datuk Seri Dr. S. Subramaniam is most disturbing but not surprising. MCA as the spokesman of the wealthy have little choice but to vocally advocate the demands of industry bosses: Understandably Dr Chua does not care for the needs of workers who slog daily for wages as low as RM500 a month.

The policy on Minimum Wage implementation and the quantum was under intense debate for over 3 years before a decision was made in March 2012. The National Wages Consultative Council Act 2011 was debated in the Parliament and the Senate before it was passed and gazetted on 15 September, 2011.

In an elaborate ceremony Prime Minister Datuk Seri Mohd Najib Tun Razak announced the historical decision on Minimum Wage on April 30, 2012. The Minimum Wage order was finally gazetted on 16 July 2012.

Dr Chua, oblivious of all these significant events, has just woken up from a long slumber to issue an ultimatum demanding that the Government make a U turn on minimum wage: His approach is crude and most disturbing.

MTUC stand firm on the Minimum Wage Order and urge the Government not to back track its Minimum Wage Policy, proudly announced by Prime Minister Najib.

Since the Minimum Wage Order and the implementation mechanism was approved by the Cabinet led by Prime Minister Najib with the active participation of MCA representatives, Dr Chua should take up his grousing with the Prime Minister rather than intimidating the HR Minister, who is duty bound to implement the Cabinet decision.

**Abdul Halim Mansor
(Secretary General)**



TABUNG PERLINDUNGAN PEMBERHENTIAN

Gaji minima

MTUC telah mengusahakan gaji minima sejak 1998 di Langkawi melalui carta Langkawi dengan nilai RM 600 telah melalui beberapa proses penyemakkan dan pada tahun 2000 telah menyarankan kepada RM900. Walaupun ramai pihak yang mempersoalkan kenapa RM900, bagi MTUC untuk permulaan negara kita perlu gaji minima dan dari semasa ke semasa seperti yang dijanjikan dan diharapkan akan dikaji selaras dengan kos hidup yang semakin menjunam.

1hb Januari sepertutnya dilaksanakan sepenuhnya, walaupun 600 majikan tidak setuju. Majikan yang tidak ber-setuju harus membuat permohonan untuk penangguhan, bukannya memotong elaun-elaun yang sedia diterima oleh pekerja bagi mematuhi syarat RM900. Perbuatan ini tidak harus berlaku sama sekali. Seramai 600 majikan ini merupakan majikan yang telah diluluskan selepas dikaji selidik oleh badan penangguhan yang terdiri daripada tiga-(pihak MTUC, majikan dan kerajaan).

Umur Persaraan

Perlaksanaan akan bermula pada 1hb Januari, manakala penguatkuasaan akan bermula dari 1hb Januari hingga ke 1hb Julai 2013. Akta Umur Persaraan pihak Swasta telah diwartakan dalam masa 6 bulan ini semua majikan digalakkan serta disarankan melaksanakan umur persaraan sebagaimana yang disyorkan oleh akta baru ini.

Jika pihak majikan ingin memohon penangguhan bagi melaksanakan umur 60-tahun disebabkan perkara yang melibatkan pengurusan dan ekonomi syarikat, majikan boleh memohon kepada Kementerian tidak lewat daripada 28hb Februari. Pada 1hb Julai akta ini berkuatkuasa yang mana majikan yang tidak melaksanakan umur bersara 60 tahun akan diambil tindakan dan diberi penalti.

Pendakwaan boleh dibuat dibawah Akta Umur Persaraan Minimum 2012; majikan juga boleh memohon penangguhan pengecualian dibawah seksyen 18 Akta bersamaan dengan memohon kepada YB Menteri.

Tabung Perlindungan Pemberhentian kerja

Kerajaan telah pun memberi peruntukan 80 juta untuk menyediakan satu tabung perlindungan pemberhentian kerja bagi memberi faedah kepada pekerja yang ditamatkan perkhidmatan dan dalam proses untuk mencari kerja baru. Tabung ini dalam perancangan, akan memberi perlindungan 6-12 bulan semasa pekerja berusaha untuk mendapatkan kerja baru. Pekerja mestilah mendaftar dengan PERKESO dan Jabatan Tenaga kerja. PERKESO akan mengendalikan pentadbiran dan pembayaran tabung perlindungan ini.

Peratusan faedah masih dalam perbincangan. Pekerja akan diwajibkan untuk bayar caruman kepada tabung ini agar tabung ini akan berterusan dapat memberi perlindungan kepada pekerja yang diberhentikan kerja di masa-masa akan datang. Caruman pekerja juga akan diuruskan oleh pihak PERKESO. Tabung ini tidak disertai oleh majikan kerana ini adalah inisiatif MTUC yang diperjuangkan selama 18 tahun dan disokong oleh Kerajaan dengan inisiatif YAB Perdana Menteri.

Akta Perlindungan pemberhentian Pekerja(PPP)(Akta Unemployment Insuran)

MTUC telah mengusahakan Akta ini dan masih berada dalam proses kajian di peringkat Kerajaan. Akta ini dalam proses kajiselidik dengan kerjasama pihak ILO melalui pejabat ILO Bangkok dan beberapa kajian telah dibuat dengan mencontohi beberapa negara yang mempunyai akta insuran PPP ini. MTUC dengan tegas menyatakan pada mesyuarat Pengurusan TPC, bahawa Akta baru yang diwujudkan tidak patut mengurangkan faedah akta yang sedia ada. Majikan memohon agar faedah pemberhentian kerja (*termination layoff benefit*) dalam Akta Kerja dimansuhkan.

MTUC telah membantah permohonan ini dan pada pendapat MTUC tidak wajar kerana permohonan dan perjuangan MTUC asalnya adalah untuk memberi perlindungan kepada pekerja yang diberhentikan dan dalam proses mencari kerja baru. Dalam jangkamasa pekerja itu tidak bekerja dan sedang bekerja adalah satu ruang yang mana keadaan kesukaran pekerja diwaktu itu tidak dibela dan mempunyai perlindungan. Ini akan menyebabkan pekerja itu dan keluarga mereka dalam kesukaran kerana hilang mata pencarian dan berdepan dengan masalah hidup harian yang harus ditampung bersama keluarga. MTUC mengariskan perlindungan ini wujud sebagai akta baru kerana faedah penamat atau pengurangan tenaga kerja telah lama wujud dalam Akta Kerja dan Perjanjian Bersama yang mana faedah yang ada dalam akta adalah tanggungan syarikat 100% untuk membayar faedah yang dimaksudkan.



Skim G to G harus digunapakai dalam isu pekerja Asing

KUALA LUMPUR, 21 Dis — Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) menyokong polisi yang dilaksanakan Kementerian Sumber Manusia berhubung pengambilan pekerja asing melalui kaedah "kerajaan kepada kerajaan" (Government to Government, atau G to G) bagi sektor perladangan.

Setiausaha Agung MTUC, Abdul Halim Mansor menjelaskannya, pihaknya turut menetang sekeras kerasnya cadangan Persatuan Pembantu Rumah Majikan Malaysia (MAMA) yang menuntut pasaran menentukan kadar dan bayaran pembantu rumah, kerana jelasnya ia bakal membawa kepada penderaan.

"MTUC membantah cadangan MAMA bahawa pasaran yang akan membuat ketentuan berhubung kadar bayaran pembantu rumah ... Ini bermakna agensi pembantu rumah akan memanipulasi kadar pengambilan tanpa sekatan.

"Majikan akan terbeban ... ia tidak boleh diterima MTUC kerana cadangan MAMA itu hanya akan membawa kepada berlakunya penderaan," katanya.

Menurut Abdul Halim, tiada pekerja dalam manapun sektor sekalipun dikehendaki membayar sesen pun untuk bekerja.

"Sebaliknya mereka perlu dibayar untuk bekerja, bukan sebaliknya," katanya, dan menambah, ia merupakan senario terburuk di negara ini apabila kerajaan perlu mendengar tuntutan agensi akan menjadikannya lebih teruk.

Jelas beliau lagi, melalui skim G to G ini, kerajaan akan berupaya menghalang penglibatan "orang tengah" dan "agen".

"MTUC sangat bersetuju dengan kaedah ini kerana agen dilihat merupakan punca utama berlakunya eksplorasi tenaga kerja.

"Skim G to G ini harus diguna pakai di setiap sektor

termasuk pekerja migran domestik," tambah Abdul Halim.

Abdul Halim berkata, melalui kaedah itu ia bukan sahaja mengurangkan kos, namun yang lebih penting mengurangkan siri-siri penderaan dan eksplorasi.

Apa guna ada Perjanjian persefahaman (MoU) sekiranya ianya tidak dilaksanakan?" soal Abdul Halim, merujuk kepada persetujuan antara Indonesia dan Malaysia dalam isu tersebut.

"Kenapa kita meminta agensi pembantu rumah yang menetapkan gaji dan majikan?"

Kadar bayaran yang dikenakan di bawah MoU berkenaan telah pun ditetapkan pada kadar RM4,511 ... namun agen berkata, mereka tidak mampu memperoleh untung dengan kadar sedemikian.

"Ia menunjukkan agen tidak berpuas hati dengan keuntungan mereka ... selagi orang tengah kekal, kerajaan tidak akan berupaya untuk mengurangkan kos pengambilan pekerja.

"Sekaligus mereka tidak dapat memastikan pekerja domestik diberikan gaji yang setimpal dengan tugas mereka," tegasnya.

Sehubungan itu jelasnya, bagi mencari jalan penyelesaiannya, MTUC mencadangkan kerajaan melaksanakan sistem G to G, dan sehingga semuanya selesai, gaji yang setaraf dengan kehidupan moden ini dilaksanakan.

"MTUC percaya, langkah positif seperti ini akan memastikan hubungan yang baik antara pekerja domestik dan majikan, serta mengurangkan insiden penderaan," tambahnya.

Sumber: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/mtuc-cadang-guna-sistem-g-to-g-untuk-pekerja-asing/>



Get maximum advantage from Minimum Retirement Age Act

The long-awaited implementation date for workers in the private sector to retire at 60 instead of 55 has been announced.

The Minimum Retirement Age Act 2012 will come into effect from July 1, 2013, and even the most reluctant of employers can only have a six-month moratorium up to Dec 31 next year to fully come on board.

It is important for the Government to stand firm on the dates, and not allow last-minute lobbying by interested parties to postpone full implementation.

Over the years, the debate on why the retirement age should be raised has been vigorous, and both employers and employees have had their say.

It is a credit to the Human Resources Ministry that after the Act was passed, it continued to hold a series of tripartite consultations involving the representatives of employers and employees as well as various government agencies to discuss the operational issues.

It is not possible for the Government to monitor each and every employer in the private sector to ensure full compliance.

It is up to the employees to be fully aware of their rights and to ensure that the recalcitrant ones are reported immediately.

What the authorities should concentrate on is helping those who are going to be caught in limbo.

Those who will turn 55 next year, for example, may or may not continue employment depending on the actual date set by their company within the time frame allowed.

There will be situations where compliance to the letter of the law may not resonate with the spirit of the law.

Workers should not be seen as mere economic statistics but as human beings with personal responsibilities to their dependents.

But while employers can be expected to retain those with the skills and knowledge that are of benefit to their companies, we must not forget that employers also have to grapple with additional operating costs, which would have an impact on companies in a softening economy. It is crucial for employers to reduce overloaded head counts to ensure their companies remain trim and competitive to face the tough times.

Source: Dec 9, 2012 Star online

Minta majikan buat kajian

» **Perlu beri peluang 500,000 sambung kerja atau berhenti**

Oleh Zanariah Abd Mutualib
zanariah@bhariani.com.my

► Putrajaya

Majikan diminta membenarkan 500,000 perkerja swasta yang persara antara umur 55 hingga Jun ini terus bekerja sehingga pelaksanaan umur persaraan 60 tahun pada 1 Julai diukur-kwasakan.

Pengerusi Majlis Perhubungan Rangkaian Kesatuan Sekerja Antarabangsa Malaysia (UNI-MLC) Mohamed Shafie BP Mammal, berkata dalam tempoh itu, majikan perlu memberi alternatif pengalaman alternatif yang boleh diambil, termasuk memberi opsyen kepada pekerja yang berpekerjaan.

Pekerja boleh pilih
"Kalau ada antara mereka tak sanggup bekerja sehingga umur 60 tahun, mereka harus diberi peluang memilih sama ada mahu terus bekerja hingga umur persaraan atau berhenti pada 55 tahun," katanya.

Bercakap pada sidang me-



Shafie bersama ahli-ahli UNI-MLC berkumpul di hadapan bangunan Pemerintah menyerahterahkan memorandum kepada Perdana Menteri. (FOTO: BH)

Dalam tempoh itu, majikan perlu membuat kajian mengenai alternatif yang boleh diambil, termasuk memberi opsyen kepada pekerja terbatit"

Mohamed Shafie BP Mammal
Presiden Majlis Perhubungan Rangkaian Kesatuan Sekerja Antarabangsa Malaysia

dia selepas menyerahkan memorandum kepada wakil pejabat Perdana Menteri, di sini semalam. Beliau mengatakan, ramai pekerja tidak bersahabat dengan tarikh baru pelaksanaan had umur persaraan itu kerana sudah termaktub dalam undang-undang ia sepatutnya dikuatkuasakan pada Januari lalu.

Tiada tindakan susulan
Beliau mendakwa, walaupun akta itu telah dilaksanakan, tidak ada barangan program padang dan surian jelajah dilaksanakan Kementerian Sumber Manusia untuk memberi pen-



Penyerahan memorandum telah diadakan bagi mendorong umur persaraan 60 tahun dilaksanakan dengan segera pada 1hb Jan 2013, diketuai oleh Presiden UNI-MLC, Tuan Hj Mohd Shafie Mammal pada 4hb Jan 2013.



MTUC Perak bersama JPP Perak mengharmonikan Industri Perusahaan Darul Ridzuan

Jabatan Perhubungan Perusahaan (JPP), Perak-4hb Disember 2012 pukul 3 petang. Kehadiran kesatuan gabungan MTUC bahagian Perak ke Majlis Suai Kenal Pegawai dan AJK MTUC Perak atas jemputan Pengarah Perhubungan Perusahaan Perak En. Zaini merupakan suatu sejarah, telah berjaya mencatat satu kejayaan dan melangkah setapak kehadapan dalam memantapkan organisasi MTUC di Perak serta memupuk persefahaman lebih baik bersama Jabatan Perhubungan Perusahaan (JPP) Perak, pihak kesatuan gabungan di Perak dan seterusnya MTUC keseluruhannya.

Sesi soal jawab yang amat harmoni telah berlangsung bagi membolehkan AJK MTUC Perak menjalin hubungan mantap dengan Jabatan ini. Ini terbukti dengan komunikasi yang diberikan dan diterima baik oleh pihak kesatuan dan pegawai MTUC sepanjang sesi dialog yang berlangsung selama 2 jam itu.

Antara yang disentuh dalam sesi suai kenal ini ialah isu-isu utama seperti perlaksanaan gaji minima, perlaksanaan umur persaraan 60-tahun, kebanjiran pekerja asing dan pemantauanya serta "Job Scope", pertukaran jawatan oleh majikan yang melanggar peruntukan dalam perjanjian



Kolektif dan Pertikaian di Seksyen 18 (Akta Perhubungan Perusahaan 1969).

Pihak MTUC telah membuat beberapa cadangan kepada pihak Jabatan Perhubungan Perusahaan (JPP) Perak supaya mengadakan seminar/bengkel bagi meningkatkan Keharmonian di tempat pekerjaan yang harus dikendalikan sendiri oleh pihak Jabatan ini. Lanjutan cadangan ini, pengarah jabatan telah bersetuju mengadakan aktiviti berkenaan pada tahun 2013 dan pada masa yang sama Pengarah menyeru supaya pihak MTUC bahagian Perak kerap berhubung dan berjumpa dengan Jabatan ini supaya keharmonian pekerjaan boleh terjamin khususnya di negeri Perak. Pengarah dalam kenyataan telah menyatakan dalam mesyuarat bahawa sebarang unsur ketidak keharmonian di tempat kerja haruslah diselesaikan dengan segera melalui perundingan supaya ianya tidak menjadi pertikaian yang berlanjut yang boleh menjelaskan perhubungan serta produktiviti kerja dan memberi implikasi negatif kepada semua pihak. *Dilaporkan oleh: Kumpulan Ipoh (GGIT) untuk berita terkini Union/NUBE/MTUC*

Lawatan sambil belajar oleh Delegasi SNTUC.

Seramai 40 delegasi dari Kesatuan sekerja Singapura yang mewakili kumpulan keselamatan dan kesihatan pekerja telah mengadakan lawatan sambil belajar ke MTUC. Pada 20hb Disember

2012. Kumpulan ini bertukar pandangan dan idea bersama-sama ahli Jawatankuasa Kesihatan dan Keselamatan MTUC yang dipengerusikan oleh Sdra. Balasubramaniam, Naib Presiden MTUC bersama, Presiden Sdra. Khalid Atan dan Timb. Presiden, Sdra. Jaafar bersama ahli-ahli jawatankuasanya.





ISU-ISU Semasa

Kadar Gaji Minimum bukan isu politik

Suatu pembohongan jika terus memperjuangkan isu gaji minimum pada kadar RM1,100 semata-mata memenangi hati rakyat pada Pilihan Raya Umum ke-13.

Setiausaha Agung Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC), Abdul Halim Mansor, berkata ternyata cadangan yang digariskan Belanjawan Alternatif 2013 itu tidak realistik dan tidak akan berlaku jika isu berkenaan dipolitikkan.

"Hal gaji minimum itu tidak boleh dipolitikkan kerana perundingan untuk mencapai kata putus dasar gaji minimum memerlukan pembabitan secara langsung antara pekerja, majikan dan pegawai profesional Kementerian Sumber Manusia yang tidak mempunyai kaitan dengan politik."

Hanya pembohongan

"Jika ada yang tetap mempolitikkan isu ini, adalah suatu pembohongan, malah ia tidak boleh berlaku kerana gaji minimum penting untuk rakyat dan ekonomi negara," katanya.

Mulai Januari ini pelaksanaan gaji minimum dikuasakan selepas pengumuman Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak pada 30 April dan diwartakan pada 16 Julai lalu.

Kerajaan pada masa ini menetapkan gaji minimum pekerja swasta RM900 di Semenanjung dan RM800 di Sabah, Sarawak dan Labuan.

Abdul Halim berkata, walaupun perbezaan menawarkan tambahan RM200 berbanding kadar gaji minimum yang dilaksanakan ketika ini, Akta Majlis Perundingan Gaji Negara memberi kelebihan kerana kajian perubahan boleh diadakan setiap dua tahun.

Perjuangan dua dekad

"Jadi, pekerja yang termasuk dalam kalangan yang menerima kadar gaji minimum ini tidak perlu bimbang kerana setiap dua tahun mesyuarat MPGK bagi membincangkan Akta Gaji Minimum akan diadakan untuk memastikan mereka mendapat kenaikan gaji pada kadar tertentu berdasarkan pasaran semasa," katanya.

Katanya, gaji minimum adalah perjuangan lama yang usianya mencecah dua dekad dan akhirnya mekanisma ini wujud dengan mengetengahkan gaji lebih tinggi dan jaringan keselamatan yang baik kepada pekerja seperti caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) yang meningkat kepada 13 peratus dan pencen ilat tidak kurang 65 peratus daripada gaji bulanan berdasarkan gaji minima RM900/800.

Sumber: Berita Harian, 23 Jan 2013. /ubahsuai

Bengkel cadangan

Akta Perhubungan Perusahaan

Perbincangan terhadap Akta Kerja yang melibatkan beberapa pindaan yang dipinta oleh Kerajaan telah diadakan di MTUC pada 6hb Disember 2012. Perbincangan ini diketuai oleh Presiden MTUC Sdra. Khalid Atan bersama Setiausaha Agung MTUC Sdra. Abdul Halim Mansor.

Lebih kurang 45 pemimpin kesatuan dari pelbagai sektor telah mengambil bahagian serta memberi pandangan terhadap pindaan-pindaan yang disyorkan oleh kerajaan.



Piket NUBE berterusan akibat menuntut keadilan kepada ahli-ahli NUBE. Kini piket telah berlangsung di perkarangan CIMB Prangin Mall, Georgetown, Penang pada 11hb Jan 2013.





11th MTUC/SOCSO National Conference

4-6th Dec 2012, Genting Highland

Persidangan ke-11 MTUC/PERKESO telah berlangsung di Genting Cameroon pada 4-6 Disember 2012. Seramai 55 pemimpin kesatuan telah menghadiri persidangan ini. Perbincangan pada tahun ini berkisar pada tajuk: **Managing Work Related Stress**" pengrusan tekanan kerja berkaitan ditempat kerja. Turut hadir dalam persidangan ini ialah Dato' Dr Mohammed Azman, Timbalan Ketua Eksekutif PERKESO, Dr Sunthar, dari DOSH, Dr B Jagdev dari SOEM, Dr Thomas Samuel dari PERKESO serta pegawai-pegawai utama dari MTUC dan Jawatankuasa Kesihatan dan pekerjaan MTUC.





Current issues

MTUC CONDEMNS ABUSE OF DOMESTIC WORKERS TIME TO RATIFY ILO CONVENTION 189

MTUC President Mohd Khalid Atan and Secretary General Abdul Halim Mansor led a 10 member delegation on 5th December 2012 to present a memorandum on working and living conditions of migrant domestic workers in the country.

Handing over the Memorandum, MTUC expressed dissatisfaction and disgust over the latest revelation (Star 3/12/2012) of extensive abuse, ill-treatment and illegal imprisonment of 105 domestic workers which is clearly in violation of the Anti-Trafficking in Persons Act. The disgraceful conduct of the agents brings shame on every law abiding and caring Malaysian.

MTUC stressed the need for the government to either enact a new law for the domestic workers or include them into the existing labour legislations. They should also be given a paid day off and the working hours and working conditions should be clearly defined in the contract. Until there is a law to protect the domestic workers, the abuse will continue.


Convention 189 once ratified will definitely give domestic workers the support that they desperately need against exploitation and abuse, and offer them the protections and safety-nets offered to other workers.

Accepting the memorandum YBhg Dato Seri Zainal Rahim bin Seman Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Manusia said the Ministry will study MTUC's proposal carefully and agreed to invite MTUC leaders for further discussion on this matter soon.

Reported by:


Parimala N. Project Officer

MTUC/FNV Mobilising Action for the Protection of Migrant Domestic Workers, December 19, 2012



Program Saringan Kesihatan PERKESO

Sebagai langkah prihatin ke atas tahap kesihatan golongan pekerja serta sebagai satu faedah kepada golongan pekerja dalam perlindungan kesihatan, PERKESO menyediakan kemudahan pemeriksaan saringan kesihatan percuma kepada semua pencarum PERKESO yang telah mencapai umur 40 tahun keatas mulai 1 Januari 2013. Baucer telah dan sedang diedarkan atas nama pencarum yang mana caj pemeriksaan kesihatan adalah percuma.- => Contoh Baucer disebelah ==>



PENGUMUMAN :

Kepada Semua kesatuan gabungan :

Mohon jasa baik dari kesemua kesatuan untuk mengirimkan Collective Agreement(CA)/Perjanjian Bersama terbaru ke Ibu Pejabat MTUC bagi penganalisaan dilakukan terhadap gaji minima dan umur persaraan dikemaskinikan.

Kerjasama dari semua kesatuan gabungan amatlah dihargai.

- ◆ Kesatuan dalaman/inhouse-satu CA
- ◆ Kesatuan National/Kebangsaan-seberapa banyak yang boleh dihantar.

Sila alamatkan kepada Bahagian Penyelidikan/Research.